

PENGUMUMAN

KEPADA : Pemilik Perniagaan dan Pengendali Kedai Cosway
TARIKH : 16 Ogos 2024
PERKARA : **COSWAY MENGALU-ALUKAN BARISAN PENGURUSAN BAHARU**

Pemilik Perniagaan dan Pengendali Kedai Cosway yang dihormati,

Kami amat teruja untuk berkongsi makluman terkini di mana Cosway membuka lembaran baharu dalam perjalanan syarikat kami. Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan kami bagi kecemerlangan dan pertumbuhan, kami telah melaksanakan perubahan strategik kepada barisan pengurusan kami, yang disusun untuk meletakkan kami ke arah pencapaian yang lebih besar pada masa hadapan.

Kami sekarang berada dipersimpangan yang mengagumkan, Cosway bukan sekadar melayari bahtera tetapi menetapkan hala tuju yang baharu. Ini bukan sekadar satu bab cerita kita, tetapi ianya sebuah buku yang baharu. Dan hari ini, lembaran baharu sudah bermula.

Memperkenalkan Barisan Pengurusan Baharu Kami: Kami berbesar hati memperkenalkan barisan baru kepimpinan dalam menerajui organisasi syarikat Cosway:

- **Cik Chryseis Tan, Ketua Pegawai Eksekutif**
Cik Chryseis ialah Pengarah Eksekutif Berjaya Land Bhd dan mengetuai pasukan pemasaran untuk Four Seasons Hotel and Residences, Kyoto. Beliau juga merupakan pengasas jenama kecantikan yang dilancarkan pada September 2020, yang baru-baru ini telah mengembangkan kehadirannya di Asia dan Eropah. Dengan sikap yang gigih dan tekun, beliau pastinya menerajui kita ke masa depan yang lebih berinovasi, mencerna pertumbuhan mampan dan menjana lebih keuntungan.
- **Encik Leslie Cheng, Pengarah Urusan**
Encik Leslie mempunyai latar belakang kerjaya yang cemerlang selama lebih 12 tahun dalam sektor farmasi runcit, membawa kepakaran luas dalam perancangan strategik, pembangunan perniagaan, pengurusan perubahan, pemasaran, perhubungan awam, operasi runcit dan peningkatan pengalaman dalam konsumen. Keberkesanan beliau dalam sektor farmasi dan pengalamannya sebagai Pengurus Besar jenama kecantikan mengukuhkan lagi reputasinya sebagai pemimpin dinamik yang mampu memacu inovasi dan kecemerlangan dalam sektor farmasi, kesihatan, dan kecantikan. Pengalaman luas dan pendekatan visi yang dimilikinya menjadikan beliau sebagai kuasa transformasi di Cosway, bersedia untuk memimpin syarikat ke era baharu pertumbuhan dan kejayaan.
- **Cik Irene Chiaw, Pengarah Eksekutif**
Cik Irene mempunyai pengalaman luas lebih daripada 16 tahun dalam bidang kewangan merentasi pelbagai industri, dengan kepakaran mendalam dalam pengurusan kewangan dan perancangan strategik. Pendekatan visi dan pengalaman mendalam yang dimilikinya adalah apa yang kita perlukan untuk memacu gelombang kejayaan kita yang seterusnya. Beliau bersedia untuk memberikan impak yang penting, memacu inisiatif kita ke hadapan dan memastikan Cosway terus berkembang maju.

Dengan barisan kepimpinan baharu, kami yakin akan melihat peningkatan jualan dan prestasi yang lebih kukuh dari seluruh kedai kami dan semua platform, meletakkan kami ke arah kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

Ini bukan sekadar penambahan nama baharu dalam senarai kakitangan; ini ialah tilik tolak permulaan baharu berimpak dan signifikan untuk syarikat kami. Ia adalah suntikan tenaga baharu, idea-idea segar, dan rentak yang tidak dapat dihentikan dalam apa jua keadaan. Kami yakin dengan barisan kepimpinan baharu ini, kami akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran, merebut peluang, dan mencapai matlamat bersama. Dalam menuju kejayaan, mari kita ambil inspirasi daripada kepimpinan dan visi mereka. Dengan sokongan penuh anda, kami bersedia untuk mencapai perkara yang luar biasa.

Barisan pengurusan baharu kami akan mengadakan sesi suai mesra untuk berkongsi hala tuju perniagaan dan strategi baharu yang penuh inspirasi, direka untuk meningkatkan jualan dan membawa syarikat ke tahap yang lebih tinggi bersama anda semua. Nantikan maklumat lanjut — kami tidak sabar untuk berkongsi perjalanan yang mengujakan ini bersama anda.

Kami amat menghargai sokongan berterusan anda ketika kami memulakan kisah baharu yang penting ini. Bersama-sama, kita akan mencapai kejayaan yang luar biasa dan memacu syarikat kita ke tahap kecemerlangan yang baharu.

Terima kasih atas dedikasi, semangat, dan kepercayaan anda yang tidak pernah pudar terhadap Cosway. Kita yang menentukan perjalanan dan hala tuju kejayaan di masa hadapan — mari kita cipta sejarah Bersama - sama.

Salam mesra,



Chryseis Tan
Ketua Pegawai Eksekutif